

A

**LIM POH HOOI & YANG LAIN**

lwn.

**WILLIAM CHIEW SOON MING & YANG LAIN**

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR  
ABDUL ALIM ABDULLAH PK  
[GUAMAN SIVIL NO: D3-22-727-2004]  
8 OGOS 2006

C

**PROSEDUR SIVIL:** *Rayuan - Notis - Prosedur - Bantahan awal - Rayuan terhadap dua perintah jaminan kos - Sama ada perlu dibuat dalam dua notis rayuan berasingan - Rayuan melalui satu notis rayuan - Sama ada cacat - Sama ada rayuan harus ditolak - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A. 1A, A. 2, A. 56 k. 1(1), Borang 114*

D

Melalui lampiran 157 dan lampiran 159 di sini, di hadapan Timbalan Pendaftar, defendan-defendan pertama dan kedua ('defendan') telah memperoleh perintah jaminan kos sebanyak RM500,000 bagi setiap seorang dari mereka terhadap plaintif-plaintif ('plaintif'). Berikutnya, melalui lampiran 195A, plaintif memfailkan notis rayuan terhadap perintah. Di pendengaran rayuan, defendan membangkitkan bantahan awal bahawa notis rayuan adalah cacat dan melanggar A. 56 k. 1(1) & (2) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'), khususnya Borang 114 KMT, kerana hanya memfailkan satu sahaja rayuan terhadap dua perintah Timbalan Pendaftar. Plaintif membantah dan berhujah bahawa bantahan awal adalah tidak bermerit dan harus ditolak. Menurut plaintif

E

F

A. 56 KMT hanyalah satu peruntukan prosedur dan kerana itu boleh dipulihkan melalui budibicara mahkamah berdasarkan A. 2 k. 1 dan A. 1A KMT, dan selanjutnya bahawa bantahan awal dibuat secara mengejut dan telah memprejudiskan plaintif.

G

**Diputuskan (membenarkan bantahan awal defendan; menolak rayuan plaintif):**

H

(1) Di bawah peruntukan A. 56 k. 1 KMT dan Borang 114 KMT, jelas bahawa notis rayuan seperti di dalam Borang 114 hanya diperuntukkan untuk satu rayuan bagi satu penghakiman yang dibuat oleh Pendaftar. Dalam kes ini, perintah merujuk kepada dua perintah yang berasingan seperti yang ditunjukkan oleh lampiran 196 dan lampiran 197 masing-masingnya. Oleh itu, plaintif semestinyalah memfailkan dua notis rayuan kepada hakim dalam kamar dan bukannya hanya satu notis rayuan sahaja seperti di lampiran 195A.

I

(perenggan 2, 6 & 7)

- (2) Mengenai soal tiada notis awal diberikan oleh defendan, plaintif sendiri telah dengan secara panjang lebar menjawab isu bantahan awal berkenan. Ini menunjukkan bahawa plaintif sememangnya tidak dikejutkan dengan isu awal itu. Apapun, fakta menunjukkan bahawa notis bantahan awal diberikan pada 1 Disember 2005 iaitu sebulan sebelum tarikh pendengaran Lampiran 195A yang ditetapkan pada 21 Januari 2006. Oleh itu plaintif mempunyai 14 hari dari tarikh penerimaan penghujahan itu untuk menjawab bantahan awal itu dan plaintif telahpun menjawabnya melalui penghujahan balasnya pada 15 Disember 2005. Oleh itu, tiada elemen 'surprise' ditimbulkan defendan atas bantahan awal mereka. (perenggan 14)
- (3) Plaintif sendiri gagal memberikan apa-apa alasan mengenai ketidakpatuhan dalam memfailkan notis rayuan yang tidak menurut peruntukan Borang 114 dan A. 56 k. 1(1) KMT. Dengan yang demikian, peruntukan A. 2 k. 1 dan A. 1A KMT tidak sewajarnya terpakai kepada plaintif. (perenggan 18 & 20)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Balakerisan Varathan & Anor v. Muniandy Varathan & Anor* [2005] 3 CLJ 327 HC (**dirujuk**)

*Capital Insurance Bhd v. Kasim Mohd Ali* [2000] 1 CLJ 269 CA (**diikuti**)

*Concrete Engineering Products Bhd v. Marces Builders Sdn Bhd* [2004] 2 CLJ 531 HC (**dirujuk**)

*Datuk Bandar Kuala Lumpur v. Seman Amat & Other Cases* [1996] 3 CLJ 263 HC (**dirujuk**)

*Low Cheng Soon v. TA Secutirites Sdn Bhd* [2003] 1 CLJ 309 CA (**dirujuk**)

*MBT (Malaysia) Sdn Bhd v. Asawira Sdn Bhd* [2004] 1 CLJ 661 HC (**diikuti**)

**Perundangan yang dirujuk:**

Rules of the High Court 1980, O. 1A r. 3, O. 2 r. 3, O. 56 r. 1(1), (2)

Bagi pihak plaintif - *Robert Low (Richard Yeoh, Ranjit Singh & Gregory Ling bersamanya); T/n Ranjit Ooi & Robert Low*

Bagi pihak defendan - *Hairul Othman (Jason Lai, Tan Hock Chuan, LY Chan, YL Chonh & G Wong bersamanya); T/n Tan Hock Chuan & Co; T/n David Gurupatham*

*Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad*

**PENGHAKIMAN**

**Abdul Alim Abdullah PK:**

[1] Ini adalah rayuan plaintif-plaintif ("plaintif") terhadap keputusan mahkamah pada 24 April 2006 yang telah membenarkan bantahan awal defendan-defendan 1 dan 2 ("defendan") dan sekaligus telah menolak rayuan plaintif-plaintif di Lampiran 195A terhadap keputusan Timbalan

A Pendaftar bertarikh 28 Julai 2005 yang telah membenarkan permohonan defendan masing-masingnya melalui Lampiran 157 dan Lampiran 159 untuk plaintif mengemukakan jaminan kos.

**Fakta Kes/Penghujahan**

**B Defendan**

[2] Berikut adalah di antara beberapa fakta dan alasan yang dikemukakan oleh defendan untuk menyokong bantahan awal mereka:

C (1) Lampiran 195A adalah notis rayuan plaintif kepada hakim dalam kamar bertarikh 5 Ogos 2005 terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang membenarkan Lampiran 157 dan Lampiran 159.

D (2) Lampiran 157 dan Lampiran 159 adalah permohonan-permohonan oleh defendan untuk jaminan kos sebanyak RM500,000 setiap seorang oleh plaintif terhadap defendan.

E (3) Pada 28 Julai 2005, Timbalan Pendaftar telah membenarkan jaminan kos diberi kepada defendan sebanyak RM500,000 setiap seorang oleh plaintif dan wang itu hendaklah didepositkan ke dalam akaun simpanan tetap berfaedah.

F (4) Namun plaintif hanya memfailkan satu notis rayuan sahaja kepada hakim dalam kamar (iaitu Lampiran 195A) terhadap kedua-dua keputusan tersebut.

G (5) Ini jelas melanggar peruntukan A. 56 k. 1(1) dan (2), Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KMT 1980") dan Notis Rayuan itu juga tidak mematuhi Borang 114 Kaedah-Kaedah yang sama.

H (6) Jika meneliti peruntukan di bawah A. 56 k. 1(1), KMT 1980 dan Borang 114, KMT 1980 yang sama, adalah jelas notis rayuan seperti di dalam Borang 114 adalah hanya diperuntukkan untuk satu rayuan bagi satu penghakiman sahaja atau keputusan yang dibuat oleh Pendaftar.

I (7) Jika dilihat kepada permohonan defendan ini, terdapat dua permohonan yang difailkan oleh defendan masing-masingnya untuk jaminan kos diberikan oleh plaintif iaitu Lampiran 157 yang difailkan oleh defendan 1 manakala Lampiran 159 difailkan oleh defendan 2.

(8) Walaupun Timbalan Pendaftar telah memberikan perintah untuk kedua-dua permohonan itu pada hari yang sama tetapi ia masih merujuk kepada dua perintah yang berasingan seperti yang ditunjukkan oleh Lampiran 196 dan Lampiran 197.

- (9) Oleh itu plaintif memang wajar, lagi semestinya, memfailkan dua notis rayuan kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan Timbalan Pendaftar bagi Lampiran 157 dan Lampiran 159 dan bukan hanya satu notis rayuan sahaja seperti di Lampiran 195A. A

**Plaintif** B

[3] Berikut adalah di antara beberapa fakta yang dikemukakan oleh plaintif dalam menjawab kepada bantahan awal defendan terhadap notis rayuan kepada hakim dalam kamar yang difailkan oleh plaintif:

- (1) Aturan 56 k. 1, KMT 1980 adalah hanya untuk membentangkan prosedur yang perlu bagi rayuan-rayuan kepada hakim dalam kamar atas keputusan pendaftar. C
- (2) Tujuan dan keperluan A. 56 k. 1, KMT 1980 perlu dianalisa:
  - (i) Sesuatu notis rayuan kepada hakim dalam kamar mestilah difailkan dalam masa 10 hari dari tarikh perintah. D
  - (ii) Notis rayuan itu mesti diserahkan kepada pihak yang satu lagi di dalam prosiding itu pada tarikh yang ditetapkan dalam notis. E
  - (iii) Notis rayuan itu mesti mengikut format di dalam Borang 114.
  - (iv) Notis rayuan yang telah termeterai mesti diserahkan tidak kurang dari lima hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk pendengarannya. F
- (3) Di dalam tindakan ini, plaintif telah mematuhi semua keperluan di bawah A. 56 k. 1, KMT 1980 seperti yang dinyatakan di atas.
- (4) Apa yang jelas adalah kedua-dua Lampiran 157 dan Lampiran 159 adalah didengar bersama dan keputusannya diberi pada hari yang sama iaitu pada 28 Julai 2005 oleh Timbalan Pendaftar. G
- (5) Kesimpulannya adalah Lampiran 157 dan Lampiran 159 adalah satu. H
- (6) Tiada sebarang kekeliruan kepada defendan jika terdapat sebarang ketakpatuhan di dalam notis rayuan tersebut.
- (7) Notis rayuan di Lampiran 195A dengan jelas menyatakan secara penuh perintah yang plaintif ingin merayu. I

- A (8) Plaintiff juga menyatakan bahawa mereka telah dikejutkan dengan bantahan awal defendan kerana bantahan awal ini hanya dimaklumkan ketika pendengaran rayuan tersebut.
- B (9) Notis rayuan ini telah diserahkan ke atas setiap defendan masing-masingnya pada 5 Ogos 2005 dan 18 Ogos 2005 dan mereka mempunyai peluang yang mencukupi untuk memaklumkan kepada plaintiff akan bantahan mereka tetapi mereka gagal berbuat demikian.
- C (10) Ketika di awal pendengaran rayuan di hadapan hakim dalam kamar pada 20 Oktober 2005, peguam defendan tidak memaklumkan kepada mahkamah bahawa mereka berniat untuk menimbulkan bantahan awal ini. Tindakan mereka ini menunjukkan mereka telah mengetepikan hak mereka untuk menimbulkan apa-apa bantahan awal.
- D (11) Dalam apa jua keadaan, kemasukan A. 1A (Pindaan) kepada KMT 1980 pada tahun 2002 menunjukkan mahkamah kini mementingkan keadilan sesuatu kes daripada perkara-perkara yang tidak melibatkan teknikal pada mana-mana kaedah.
- E (12) Plaintiff menghujahkan bahawa keadilan dalam tindakan ini adalah memihak kepada plaintiff di mana sejumlah RM2 juta telah diperintahkan sebagai sekuriti untuk dikemukakan oleh plaintiff.
- F (13) Plaintiff menghujahkan tiada sebarang ketidakadilan atau prejudis yang timbul jika sekalipun notis rayuan ini defektif.

#### **Pertimbangan**

G [4] Setelah mengkaji bantahan awal yang dikemukakan oleh defendan dan setelah menimbang jawapan yang dikemukakan oleh plaintiff, mahkamah tidak teragak-agak untuk menerima bantahan awal defendan dan sekaligus menolak dengan kos rayuan plaintiff di Lampiran 195A.

[5] Berikut adalah alasan-alasan mahkamah menerima bantahan awal plaintiff:

H Setelah Mahkamah meneliti rayuan kepada Hakim dalam Kamar yang difailkan oleh Plaintiff di Lampiran 195A, memanglah jelas fakta bahawa terdapat dua keputusan yang dirayu dan yang telah diberi oleh Timbalan Pendaftar pada 28.7.2005 iaitu terhadap Lampiran 157 dan Lampiran 159 yang mana masing-masingnya adalah permohonan oleh Defendan untuk jaminan kos.

I

[6] Walau bagaimanapun hanya satu notis rayuan sahaja yang difailkan oleh plaintif iaitu Lampiran 195A dan ini sememangnya tidak mematuhi peruntukan di bawah A. 56 k. 1, KMT 1980 dan khususnya Borang 114 iaitu format rayuan yang diperlukan, jelas memperuntukkan bahawa satu notis rayuan adalah diperlukan untuk setiap keputusan yang dibuat.

A

[7] Mahkamah juga mendapati plaintif dalam jawapan mereka kepada bantahan awal ini tidak menafikan mereka sepatutnya memfailkan dua notis rayuan yang berasingan terhadap keputusan Timbalan Pendaftar bagi Lampiran 157 dan Lampiran 159.

B

[8] Plaintif sepatutnya memastikan kertas kausanya teratur, dalam konteks ini, notis rayuannya di Lampiran 195A dan defendan tidak sewajarnya dibeban dengan ketakpatuhan notis rayuan tersebut yang jelas melanggar peruntukan di bawah Borang 114 dan A. 56 k. 1, KMT 1980.

C

[9] Mahkamah Rayuan dalam kes *Capital Insurance Bhd. v. Kasim Bin Mohd Ali* [2000] 1 CLJ 269 CA memutuskan:

D

Further, we are of the view the issue of non-compliance with the Rules is by itself a merit to be decided in this appeal. It is clear to us that when the appeal record is not filed or defective then there is no appeal before us for which we could consider.

E

For the above reasons, we uphold the preliminary objections by the respondents. We hold that the appeal record and the supplementary appeal record are defective. We also hold that the supplementary appeal record was filed out of time without any leave of the court. Therefore, there is no proper appeal record before us to consider. This appeal is hereby dismissed with costs.

F

[10] Mahkamah ini telah mengambil pendekatan yang sama seperti di dalam kes *Capital Insurance* apabila memutuskan tiada satu rayuan yang teratur di hadapan mahkamah ini dan sekaligus memutuskan untuk membenarkan bantahan awal defendan dan menolak dengan kos Lampiran 195A.

G

[11] Kepentingan mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam KMT 1980 telah ditekankan di dalam satu lagi keputusan Mahkamah Rayuan iaitu kes *Low Cheng Soon v. TA Secutirites Sdn. Bhd.* [2003] 1 CLJ 309 di mana diputuskan:

H

In our judgment, the importance of the Rules of Court cannot be ignored as otherwise the courts will be faced with endless problems involving the administration of justice. Speaking of the importance of the Rules, the learned Judge Chang Ming Tat (as he then was) in *Yu Oi Yong & Anor v. Ho Toong & Ors* [1977] 1 MLJ 120 has this to say [at p 121]:

I

- A There should, in my view, be some adherence to the rules of court, unless required by circumstances, if there is to be any meaning or purpose in such rules.
- B It should, I think, be realized by practitioners as well as by judges that while strict and slavish adherence to forms and rules can sometimes hinder the administration of justice, these forms and rules should not be disregarded for no reason whatsoever, since they embody the experience of the courts over years in the cause of speedy and efficient administration of justice.
- C [12] Beralih kepada isu tiada notis awal diberi oleh defendan kepada plaintif akan bantahan awal ini, mahkamah telah mengambil perhatian bahawa plaintif sendiri telah sebenarnya secara panjang lebar menjawab kepada isu bantahan awal berkenaan, dan ini menunjukkan sememangnya plaintif tidak dikejutkan dengan isu bantahan awal itu.
- D [13] Mahkamah mengambil pendirian seperti di dalam kes *Datuk Bandar Kuala Lumpur v. Seman Amat & Other Cases* [1996] 3 CLJ 263 HC di mana mahkamah telah membenarkan bantahan awal walaupun ia ditimbulkan ketika pendengaran rayuan melalui permohonan lisan di saat-saat akhir pendengaran. Hakim Abdul Kadir b. Sulaiman (sebagaimana beliau pada masa itu) dalam kes itu memutuskan:
- E It is also my view that it is not the law that the absence of prior notice will totally shut the door for the intended objector from raising the objection. The principle behind the need for the prior notice is merely to avoid surprise. But **if by conduct** of the opponent, it can be inferred that no surprise to him has been caused as in the present case, the objector should be allowed to raise the intended preliminary objection even without any notice as was done in *Jasabena's* case itself. Any preliminary objection raised may go to **the root of the matter** such as illegality in the proceedings taken. If it is so, the court has to accept and cannot condone the illegality simply because no prior notice is given to raise the preliminary objection". (Emphasis added).
- F
- G [14] Di dalam tindakan ini, notis untuk bantahan awal ini telah diberi di dalam penghujahan bertulis defendan 1 pada 1 Disember 2005 iaitu sebulan sebelum tarikh pendengaran Lampiran 195A yang ditetapkan pada 12 January 2006. Oleh itu plaintif mempunyai 14 hari dari tarikh penerimaan penghujahan itu untuk menjawab bantahan awal itu dan
- H plaintif telah menjawab melalui penghujahan balasnya pada 15 Disember 2005. Oleh itu tiada elemen 'surprise' yang ditimbulkan oleh defendan atas bantahan awal mereka.
- I

[15] Mengenai kedudukan A. 1A dan A. 2 k. 3, KMT 1980, mahkamah hanya akan menggunakan budi bicaranya secara berhati-hati sebelum membenarkan apa-apa ketakpatuhan aturan prosedur yang telah ditetapkan. **A**

[16] Mahkamah telah mengambil perhatian bahawa kedua-dua peruntukan di atas telah dengan sewenang-wenangnya digunakan oleh pihak-pihak sebagai satu jalan keluar yang mudah apabila berlaku ketakpatuhan mana-mana peruntukan dalam KMT 1980. **B**

[17] Apa yang perlu dititikberatkan oleh mahkamah adalah ketakpatuhan peruntukan dalam KMT 1980 ini telah menimbulkan prejudis kepada defendan. **C**

[18] Plaintiff juga menghairankan kerana gagal memberikan alasan akan ketakpatuhan dalam memfailkan notis rayuan yang tidak menuruti peruntukan dalam Borang 114 dan A. 56 k. 1(1), KMT 1980. Maka dengan yang demikian peruntukan A. 2 k. 1 dan A. 1A, KMT 1980 tidak sewajarnya terpakai kepada plaintiff. Mahkamah tidak mirip untuk melaksanakan budi bicaranya yang memihak kepada plaintiff. Dalam hal ini mahkamah menyusuli dan menerimapakai apa yang diperkatakan oleh Hakim Abdul Malik Ishak dalam kes *MBT (Malaysia) Sdn. Bhd. v. Asawira Sdn. Bhd.* [2004] 1 CLJ 661: **D**

The net result would be this. I refused to exercise my discretion in favour of the plaintiff for the following reasons: **E**

(a) that it is a fundamental principle of law that the RHC must be strictly complied with **F**

(b) that the powers vested in O. 2 r. 1 of the RHC are the exceptions to the general rule; these powers should be exercised sparingly and it should not be used to give the litigants a carte-blanche cover to overlook all forms of irregularities; **G**

(c) that in order for the court to exercise its discretion under O. 2 r. 1 of the RHC, there must be some material to satisfy the court in exercising its discretion; **H**

(d) if the recalcitrant fails to provide any justification or reason for the non-compliance with the rules as embodied in the RHC, then the court ought to be reluctant to cure those defects because O. 2 r. 1 of the RHC should not be used wantonly; and **I**

(e) a mere omission or oversight on the part of the litigants and their legal advisers should not be an excuse to invoke those all pervading powers under O. 2 r. 1 of the RHC. **I**



- A In my judgment, the defendant had suffered prejudice by the plaintiff's blatant non-compliance of the RHC. Every litigation should be governed by the time table as provided by the RHC and the plaintiff should not be allowed to dictate and insert its own time table and procedure in blatant contravention of the rules.
- B [19] Kes-kes lain yang sama sehaluan dengan prinsip yang telah diperkatakan di atas adalah kes *Concrete Engineering Products Bhd. v. Marces Builders Sdn. Bhd.* [2004] 3 MLJ 375 dan kes *Balakerishnan Varathan & Anor v. Muniandy a/l Varathan & Anor* [2005] 3 CLJ 327 HC
- C **Keputusan**
- [20] Berdasarkan alasan-alasan di atas mahkamah telah memutuskan bahawa bantahan awal defendan ini mempunyai merit dan sewajarnya dibenarkan. Akibat daripada itu maka rayuan plaintif di Lampiran 195A tidak patut dipertimbangkan kerana jelas tiada satu rayuan yang teratur di hadapan mahkamah untuk diperdengarkan, lagi pun rayuan di Lampiran 195A itu sendiri bulat-bulat defektif. Oleh itu mahkamah telah memutuskan untuk menolak rayuan plaintif di Lampiran 195A dengan kos.
- E
- 
- F
- G
- H
- I